

22/04/1998

SC dijangka lulus Asnita minggu ini

KUALA LUMPUR, Selasa - Amanah Saham Wanita (Asnita) yang dijangka dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Mei depan secara prinsipnya sudah diluluskan dan dijangka menerima kelulusan rasmi daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC) minggu ini.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata sebelum majlis pelancaran itu, semua Pengerusi Wanita Umno Perhubungan negeri dan Wanita Barisan Nasional serta pertubuhan wanita akan diberi taklimat lanjut mengenai Asnita.

"Sekarang kita sedang buat persiapan menunggu hari pelancaran dan semua pertubuhan wanita sedang dihubungi.

"Wanita Umno juga sedang mengumpul maklumat perlu untuk disampaikan kepada semua pengerusi perhubungan negeri supaya dapat disalurkan kepada wanita di bahagian," katanya.

(END)